

Idea 'pelik' sedarkan golongan malas bekerja

Khamis lalu, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya pada satu majlis makan malam, menyatakan kerajaan akan memperkenalkan beberapa inisiatif baharu untuk pekerja di negara ini.

Antaranya memperkenalkan penanaman padi pada waktu malam, sebagai usaha membantu mempermudah dan meringankan kerja rakyat.

Sekali pandang, visi itu kedengarannya mustahil. Namun, Perdana Menteri menegaskan ia boleh dilaksanakan dengan bantuan teknologi dan jentera moden.

Sambil memberi contoh bagaimana orang kaya bermain golf pada waktu malam dengan bantuan lampu yang terang di tengah padang, hal sama tidak mustahil untuk penanaman padi.

Tambahan sekarang lampu jimat tenaga seperti diod pemancar cahaya (LED) meluas digunakan. Penggunaan LED bukan saja menjimat tenaga, malah ia juga mudah dipasang di tengah bendang untuk merealisasikan idea unik penanaman padi disuarakan Perdana Menteri itu.

Hakikatnya penanaman padi ki-



Rohaniza Idris

roha@bh.com.my

ni bukan lagi secara tradisional yang memerlukan tenaga kerja manusia yang banyak, sebaliknya menggunakan jentera. Terkini, dron juga digunakan secara meluas untuk menabur biji benih.

Tanam malam elak panas

Difahamkan, bagi padi huma sememangnya masyarakat petani di pedalaman Sabah dan Sarawak, malah di Indonesia ada yang sudah mempraktikkan penanaman padi pada waktu malam dan awal pagi bagi mengelak kepanasan.

Selain faktor cuaca, kepercayaan tradisi masyarakat peribumi di Sabah mendorong aktiviti penanaman dilakukan pada waktu malam.

Ada yang percaya padi huma lebih sesuai ditanam pada waktu malam dan awal pagi, kerana fak-

tor cuaca sejuk dan kurang tiupan angin.

Justeru, jika benar idea Dr Mahathir itu ingin direalisasikan, menjadi tanggungjawab agensi penyelidikan untuk memulakan kajian mereka.

Sudah tentu ini menjadi satu cabaran kepada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang sebelum ini mencipta pelbagai kejayaan dalam menghasilkan pelbagai varieti padi berkualiti di negara ini.

Jika dilihat pada jurnal pertanian, aktiviti pertanian pada waktu malam menjadi aliran semasa di negara Barat, terutama bagi aktiviti penanaman dalam skala besar seperti ladang jagung, anggur dan bawang putih.

Aktiviti pertanian waktu malam ini juga biasanya dimanfaatkan untuk penuaian kerana pelbagai alasan. Antaranya, peningkatan suhu dan peraturan pencegahan penyakit haba, masalah kekurangan buruh, peningkatan kualiti produk dan pilihan makanan, penuaian peka masa serta pencegahan makhluk perosak.

Di Amerika Syarikat, beberapa petani di California sudah lebih

sedekad menuai tanaman tomato, anggur, jagung dan bawang putih pada waktu malam.

Alasan yang mereka gunakan bagi mengelak kepanasan, selain masalah mendapatkan pekerja. Lebih menarik, penanam jagung mendakwa hasil dituai pada waktu malam lebih sejuk dan rasanya lebih manis.

Bukan mustahil dilaksanakan

Jadi, idea dicetuskan Perdana Menteri ini bukan mustahil untuk dilaksanakan, jika usaha dan kehendak untuk melaksanakannya ditanamkan dalam diri.

Apa pun, idea penanaman padi pada waktu malam mungkin mempunyai maksud tersirat Dr Mahathir yang memang terkenal dengan 'idea gila', sebagaimana tercetus ilham membina Menara Berkembar PETRONAS (KLCC) satu masa dulu.

Mungkin dengan idea pelik ini ramai yang membantah dan memandang jelik, tetapi hasrat Perdana Menteri jika dipandang secara positif sebenarnya pencetus kepada idea transformasi pertanian dan juga menyedarkan masyarakat bahawa 'di mana ada ke-mahuan di situ ada jalan'.

Bagi saya, idea penanaman padi ini perlu dilihat sebagai teguran Perdana Menteri terhadap sikap masyarakat yang enggan lagi terbabit dengan sektor pekerjaan 3D iaitu *dirty* (kotor), *dangerous* (berbahaya) dan *difficult* (sukar), yang mana sektor itu kini diambil alih pekerja asing.

Ketika ini, tujuh juta pekerja asing bekerja di negara ini yang kebanyakannya terbabit dalam sektor 3D, sanggup berpanas dan berpeluh di bawah terik matahari bagi mencari pendapatan untuk keluarga mereka di tanah air masing-masing.

Pekerja asing ini dilaporkan menghantar pulang kira-kira RM60 bilion setahun ke negara mereka menyebabkan negara kerugian hasil dan masyarakat terus terpinggir, miskin serta daif kerana malas berusaha akibat sudah terbiasa menerima bantuan daripada kerajaan,

Kesimpulannya, untuk menjadikan Malaysia negara produktif, kerja pada waktu malam mungkin satu jalan penyelesaian.

Penulis adalah wartawan Meja Am Berita Harian